

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 OCTOBER 2016

# Lemah kerana sebab sendiri - Mahathir

*peristiwa*

Oleh **MOHD. SYAHRIL ROSDI AHMAD ZAHUDI**

**U**MAT Islam pada ketika ini berada pada tahap membimbangkan, sering ditindas, malah paling teruk berperang sesama sendiri sehingga digambarkan bahawa Islam adalah agama pengganas.

Tragedi itu berpunca daripada sikap sendiri yang tidak mengamalkan ajaran sebenar agama dan enggan memajukan diri berlandaskan kehidupan Islam yang sebenar.

Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), **Tun Dr. Mahathir Mohamad** menarik perhatian dengan menegaskan bahawa mengamalkan cara kehidupan Islam sebenarnya boleh mempengaruhi tingkah laku dan perbuatan yang baik.

Jelas beliau, perkara sebaliknya yang berlaku apabila umat Islam membenarkan nafsu menguasai fikiran dan tindakan, sekali gus melemahkan diri sendiri serta dipandang hina oleh penganut agama lain.

“Umat Islam perlu mengubah nasib dengan berusaha memperbaiki kelemahan misalnya

menguasai ilmu dan kepakaran yang didominasi oleh bukan Islam. Bukan tidak boleh menguasai ilmu farđu ain, tetapi pada masa sama perlu juga memantapkan ilmu farđu kifayah.

“Oleh sebab itu, kita menjadi masyarakat daif yang mudah ditindas. Kita gagal mempertahankan umat Islam di saat mereka memerlukan kita.

“Hari ini kita dapati di seluruh dunia tiada satu pun negara Islam yang paling berjaya. Jika ada yang kaya sekali pun masih tidak mampu mengurus kebajikan orang Islam.

“Kekayaan tidak perlu disimpan sepatutnya diurus dengan cara terbaik untuk dimanfaatkan kepada seluruh umat Islam,” katanya dalam ucapan sempena majlis makan malam Perkim di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung Kehormat Perkim, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor dan lebih 300 ahli Perkim dari seluruh negara. Majlis itu diadakan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Perkim.

Pada majlis itu turut disampaikan sijil penghargaan, trofi dan wang tunai kepada tokoh-tokoh kepimpinan dan kakitangan Perkim.



**MAHATHIR MOHAMAD (kanan)** menyampaikan Anugerah Tokoh Pendakwah Unggul Perkim kepada Harussani Zakaria (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Mohd. Yusof Noor (dua dari kiri).